

D.R. 8/98

**Naskhah Sahih—Bahasa Kebangsaan**

## RANG UNDANG-UNDANG

*b e r n a m a*

Suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 dan Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976.

{ }

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti yang berikut:

### BAB I

#### PERMULAAN

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Undang-Undang Cukai (Pindaan) 1998. Tajuk ringkas.
2. Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 dan Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 adalah dipinda mengikut cara yang dinyatakan dalam Bab II, III dan IV masing-masingnya. Pindaan Akta. Akta 53. Akta 543. Akta 169.
3. (1) Kecuali seksyen 6, semua seksyen lain hendaklah berkuat kuasa dari mula kuat kuasanya Akta ini. Mula berkuat kuasa.  
(2) Seksyen 6 hendaklah berkuat kuasa bagi tahun taksiran 1998 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

## BAB II

## PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

Pemotongan  
seksyen 123.  
*Akta 53.*

4. Akta Cukai Pendapatan 1967, yang disebut "Akta ibu" dalam Bab ini, adalah dipinda dengan memotong seksyen 123.

Pindaan  
seksyen  
136.

5. Subseksyen 136(4) Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan memotong perkataan "123,";
- (b) dengan menggantikan titik bertindih di hujung perenggan dengan noktah; dan
- (c) dengan memotong proviso.

Pindaan  
Jadual 3.

6. Jadual 3 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dalam perenggan 9, dengan menggantikan perkataan "to" dengan perkataan "and";
- (b) dengan memotong perenggan 11;
- (c) dengan memotong perenggan HA;
- (d) dalam perenggan 13—
  - (i) dengan menggantikan perkataan "to" yang terdapat selepas perkataan "Notwithstanding paragraphs 10" dengan perkataan "and"; dan
  - (ii) dengan memotong subperenggan (b); dan
- (f) dalam perenggan 13A, dengan memotong perkataan ", 11 or HA".

## BAB III

PINDAAN KEPADA AKTA PETROLEUM  
(CUKAI PENDAPATAN) 1967

Pemotongan  
seksyen 61.  
*Akta 543.*

7. Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967, yang disebut "Akta ibu" dalam Bab ini, adalah dipinda dengan memotong seksyen 61.

8. Subseksyen 69(4) Akta ibu adalah dipinda dengan memotong perkataan "section 61 and". Pindaan seksyen 69.

#### BAB IV

##### PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH 1976

9. Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, yang disebut "Akta ibu" dalam Bab ini, adalah dipinda dengan memotong seksyen 39. Pemotongan seksyen 39.  
Akta 169.
10. Subseksyen 45(4) Akta ibu adalah dipinda— Pindaan seksyen 45.
- (a) dengan memotong perkataan "kecuali tugas-tugasnya di bawah seksyen 39";
  - (b) dengan menggantikan titik bertindih di hujung perenggan dengan dengan noktah; dan
  - (c) dengan memotong proviso.

---

#### HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 dan Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976.

#### BAB II

##### PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

2. *Pasal 4* bertujuan untuk memotong seksyen 123 Akta untuk menyelaraskan peruntukan Akta dengan Pasal 145(3) Perlembagaan Persekutuan.
3. *Pasal 6* bertujuan untuk meminda Jadual 3 Akta dengan memotong perenggan 11 dan 11A. Kadar elaun permulaan yang terpakai bagi perniagaan perlombongan, pembalakan dan pembinaan akan ditetapkan sekarang di bawah perenggan 10 Jaduai yang sama. Pindaan ini akan berkuat kuasa dari tahun taksiran 1998.

## BAB III

PINDAAN KEPADA AKTA PETROLEUM (CUKAI PENDAPATAN) 1967

4. *Pasal 7* bertujuan untuk memotong seksyen 61 Akta untuk menyelaraskan peruntukan Akta dengan Pasal 145(3) Perlembagaan Persekutuan.

## BAB IV

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH 1976

5. *Pasal 9* bertujuan untuk memotong seksyen 39 Akta untuk menyelaraskan peruntukan Akta dengan Pasal 145(3) Perlembagaan Persekutuan.

## AM

6. Semua pindaan lain adalah kecil atau berbangkit.

*IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN.(U<sup>2</sup>)2074.]